

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA INDUK LOCAL AGENDA 21
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
BIL.2/2015**

Tarikh : 21 Oktober 2015

Masa : 11.30 pagi (Rabu)

Tempat : Bilik Mesyuarat Semarak,
Majlis Perbandaran Sepang,
Cyberjaya.

KEHADIRAN

1. Tuan Puasa bin Md. Taib - Pengerusi
Yang Dipertua,
MajlisPerbandaranSepang
2. Encik Mashadi bin Saien
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Teluk Merbau
3. Dr. Teo Lian Seng
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Sungai Pelek
4. Puan Lau Weng Chan
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Kota Warisan
5. Encik Tong Jeng Hang
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Sungai Pelek
6. Puan Rozeta binti Md. Yusuf
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang
7. Encik Noor Halif bin Noorzan,
Pengarah, Jabatan Perlesenan & Pengurusan Penjaja,
Majlis Perbandaran Sepang

8. Encik Ahmad Saifunazif bin Mat Yatim,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan,
Majlis Perbandaran Sepang
9. Encik Sulaiman bin Abi Hashim
Pengarah, Jabatan Bangunan,
Majlis Perbandaran Sepang
10. Encik Kuzaini bin Hamidon,
Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Persekitaran,
Majlis Perbandaran Sepang
11. Encik Mohd. Firdaus bin Marji,
Pegawai Tadbir, Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat,
Majlis Perbandaran Sepang
12. Puan Ruhaila binti Abdul Rahman,
Pengarah, Jabatan Landskap,
Majlis Perbandaran Sepang
13. Puan Asmahan binti Abdullah,
Unit Pusat Setempat,
Majlis Perbandaran Sepang

URUSETIA

14. Encik Mohd. Adham bin Hj Mahmood
Penolong Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang
15. Cik Nur Farhana binti Mohd. Noor
Penolong Pegawai Perancang Bandar,
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
16. Puan Nurulhuda binti Zainal Abidin - Pencatit Minit
Penolong Pegawai Perancang Bandar,
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Puan Nermala Dewi a/p Mutusamy
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Timah Langat

1.0 UCAPAN ALU-ALUAN PENGERUSI

Tuan pengerusi mengucapkan selamat sejahtera dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir ;

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK LOCAL AGENDA 21, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BIL.1/2015

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Local Agenda 21, Majlis Perbandaran Sepang Bil.2/2015 disahkan tanpa pindaan.

3.0 PEMBENTANGAN BAGI CADANGAN PEMBINAAN KAWASAN BERBASIKAL DI KOTA WARISAN OLEH KELAB BASIKAL LASAK, BANDAR BARU NILAI, NEGERI SEMBILAN

- a) Mesyuarat telah mengambil maklum mengenai cadangan Kelab Basikal Lasak untuk membina litar BMX bagi aktiviti atau sukan basikal lasak di Kota Warisan. Kemudahan ini telah dilaksanakan di Selayang dan juga Nilai ;
- b) Mesyuarat secara dasarnya tiada halangan bagi cadangan pembinaan litar BMX di kawasan lapang di Kota Warisan yang telah diwartakan sebagai kawasan lapang kerana ia merupakan salah satu inisiatif LA21 dan usaha ke arah masyarakat beriadah.
- c) Pihak syarikat diminta untuk mengemukakan cadangan terperinci kepada pihak Majlis khususnya dari aspek mekanisme pelaksanaan dan bentuk kerjasama dengan pihak Majlis. Selain daripada itu, mengemukakan ROI (Return of Investment) dan CBA (Cost Benefit Analysis) bagi memastikan cadangan yang dikemukakan berdaya maju.
- d) Cadangan ini adalah penyediaan kawasan / trek berbasikal BMX untuk kegunaan awam yang akan diuruskan oleh Kelas Basikal Lasak, Nilai, Negeri Sembilan. Walaubagaimanapun, pihak pengurusan perlu mendaftarkan syarikat di Negeri Selangor.

4.0 PEMBENTANGAN OLEH JAWATANKUASA KERJA LOCAL AGENDA 21, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Aktiviti yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa LA21 Majlis Perbandaran Sepang sehingga Oktober 2015

4.1 Jawatankuasa Induk Local Agenda 21, Majlis Perbandaran Sepang oleh Puan Rozeta binti Md. Yusuf, Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang

Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa Program LA21 MPSepang yang telah dijalankan sehingga Oktober 2015 oleh Jabatan Perancangan Bandar selaku Urusetia Induk LA21 adalah seperti berikut:

- a) Dusun Komuniti di Taman Lestari Permai, Seri Kembangan pada 18 Januari 2015;
- b) Majlis 'Hi Tea' Penyampaian Penghargaan Pembangunan Mampan Di Bawah Program Local Agenda 21, Majlis Perbandaran Sepang di Kelab Komuniti pada 6 Februari 2015.
- c) Pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung di Sekolah Kebangsaan Cyberjaya yang telah siap sepenuhnya pada 1 Jun 2015. Projek ini dilaksanakan secara CSR dengan kerjasama Pemaju Tujuan Gemilang Sdn Bhd.
- d) Pertandingan Rekacipta Barangan Terpakai Peringkat Sekolah di Daerah Sepang pada 19 Julai 2015.

Tindakan :
Jabatan Perancangan Bandar, MP Sepang

4.2 Jawatankuasa Kerja LA21 : Alam Sekitar Mampan Oleh :Encik Kuzaini bin Hamidon Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, MPSepang

- a) Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Kesihatan Persekitaran akan melaksanakan MOU dengan pihak FRIM bagi program Bio Diesel. . MOU ini akan dilaksanakan pada 26hb Oktober 2015 di Kelab Komuniti dan akan dilaksanakan selama 18 bulan.
- b) Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa pihak Jabatan juga melaksanakan pemantauan kebersihan kilang pembekal ais batu yang beroperasi dalam Daerah Sepang bagi mengelakkan penyakit kepialu.

Tindakan:
Jabatan Kesihatan dan Persekitaran,
Majlis Perbandaran Sepang

4.3 Jawatankuasa Kerja LA21 : Sosial Mampan

Oleh : Encik Mohd. Firdaus bin Mohd. Marji
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat

Mesyuarat dimaklumkan sebanyak 470 program telah dilaksanakan bermula pada 1 Januari 2015 sehingga 30 September 2015 bagi setiap Zon Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP).

Tindakan:
Jabatan Korporat & Pembangunan Masyarakat,
Majlis Perbandaran Sepang

4.4 Jawatankuasa Kerja LA21 : Ekonomi Mampan

Oleh : Encik Noor Halif bin Norzan,
Penolong Pengarah,
Jabatan Pelesenan & Pengurusan Penjaja, MPSepang

- a) Program Pasar Sari, Malam dan Pasar Awam akan dibuka kepada golongan Asnaf. Pasar Malam Putra Prima ini dipilih sebagai contoh kerana aspek kebersihan dan keseragaman yang menjadi amalan dan tindakan peniaga tersebut.

Tindakan:
Jabatan Pelesenan & Pengurusan Penjaja,
MPSepang

5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 Pelaporan Pemantauan Program Dusun Komuniti / Kebun Kejiranan

Dr. Teo Lian Seng mencadangkan pelaporan bagi setiap Program Dusun Kejiranan yang telah dijalankan bagi memantau perkembangan Dusun Komuniti / Kebun Kejiranan tersebut.

Mesyuarat dimaklumkan oleh Urusetia bahawa tiga (3) Kebun Kejiranan telah diwujudkan di Taman Arked, Taman Lestari Permai dan Baiduri Court Puchong.

Tindakan :
Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang

5.2 Program Tanam Pokok Bersama Pelajar Nagasaki Nichidai High School, Jepun di Hutan Bandar Cyberjaya

Program ini akan dilaksanakan pada 5hb Disember 2015 di Hutan Bandar Cyberjaya dengan penglibatan seluruh Komuniti Cyberjaya.

Tindakan :
Jabatan Landskap,
Majlis Perbandaran Sepang

5.3 Program Secara CSR Di Pantai Sepang

Pengerusi mencadangkan supaya memperbanyakkan lagi program LA21 secara CSR khususnya di Pantai Sepang Putra samada melibatkan syarikat atau pemaju seperti Sepang Gold Coast, Shell dan sebagainya khususnya bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan alam sekitar.

Tindakan :
Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang

5.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguh dan Mesyuarat Bil.3/2015 akan diadakan pada bulan Disember 2015. Tarikh dan waktu akan dimaklumkan kelak.